

22 APR 1998

RESTORAN DI JEJANTAS SG BULOH DITUTUP SEMENTARA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Restoran di Jejantas Sungai Buloh di Lebuhraya Utara-Selatan akan ditutup sementara kepada orang ramai dari pukul 6 petang Jumaat ini hingga pukul 2 petang esoknya.

Ini bagi persediaan majlis perasmian restoran itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu, menurut Plus Bhd, pengendali lebuhraya itu dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Majlis itu dijadual diadakan pada pukul 11 pagi.

Menurut Plus stesen-stesen minyak di kedua-dua laluan ke utara dan selatan hanya akan ditutup dari pukul 6 pagi hingga pukul 2 petang pada Sabtu.

Pilihan terdekat bagi pengguna ke utara ialah untuk berhenti rehat di kawasan rehat dan perkhidmatan Rawang 17km di utara restoran itu sementara pengguna ke selatan boleh menggunakan hentian sebelah Sungai Buloh empat kilometer dari restoran itu.

Plus berkata banyak kegiatan promosi dirancang sempena perasmian itu termasuk siaran langsung dan peraduan oleh Time Highway Radio.

-- BERNAMA

MAM RON